

# Terima kasih PM kepada CUEPACS dan MBK kerana tarik mogok

# TINGKATKAN DAYA PENGELUARAN

UM 7 JUN 1986

**K**UALA LUMPUR 6 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berharap kakitangan kerajaan akan meningkatkan daya pengeluaran mereka berikutan tambahan kenaikan gaji yang diberikan meskipun kedudukan kewangan negara “amat merungsingan.”

Serentak dengan itu, Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan yang telah menarik balik ancaman mogok mereka dan bertolak - ansur serta menerima kenaikan tambahan yang ditawarkan oleh kerajaan.

Beliau menarik perhatian, kenaikan tambahan antara \$15 hingga \$25 itu akan melibatkan pertambahan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$125 juta setahun. Bercakap dalam majlis penutup mesyuarat ketujuh Jawatankuasa Bersama Kerajaan - Pekerja di Jabatan Perdana Menteri petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berharap kenaikan tersebut akan meringankan sedikit

Oleh Zin Mahmud

beban yang ditanggung oleh pekerja - pekerja kumpulan D akibat kemelesetan ekonomi.

Menghurai lebih lanjut soal daya pengeluaran, Perdana Menteri menegaskan, persaingan untuk mendapatkan pasaran dunia memerlukan peningkatan produktiviti bukan sahaja di kalangan pekerja swasta tetapi juga di kalangan kakitangan awam.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, peningkatan produktiviti, kecekapan, barangan kos rendah dan bermutu tinggi akan mendatangkan keuntungan dan menambahkan pendapatan negara.

“Peningkatan pendapatan negara akan membolehkan gaji para pekerja ditingkatkan,” ujar beliau.

Dalam mesyuarat kerajaan - pekerja itu pagi ini, gaji kakitangan awam kumpulan D telah dinaikkan sebanyak \$15 hingga \$25 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun tahun ini. Turut hadir dalam majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaakub, Menteri Buruh, Datuk Lee Kim Sai, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Rozhan Kuntom dan Pengerusi

LIHAT MUKA 6

## Tingkatkan daya pengeluaran

Majlis ~~RM~~ Mama 7 JUN 1986  
Kebangsaan Perkhidmatan  
Awam Encik A.  
Ragunathan.

Perdana Menteri  
memberitahu, kerajaan  
sanggup membayar  
kenaikan gaji itu  
sungguhpun pihaknya  
sedang menghadapi  
keadaan kewangan yang  
sempit.

"Sebarang tindakan  
perusahaan akan memberi  
kerugian yang besar  
kepada kerajaan lebih -  
lebih lagi dalam keadaan  
sekarang," tambah beliau.

Menurut beliau,  
kedudukan kewangan  
negara pada masa ini  
sangat merungsingkan  
kerana kurangan akaun  
semasa kerajaan pada  
tahun ini ialah \$1,400 juta  
dan \$4,000 juta pada  
tahun depan itupun  
sekiranya harga barangan  
utama negara ini  
berkekalan seperti  
sekarang.

Menurutnya, pihak  
kerajaan suka kalau dapat  
menaikkan gaji para  
kakitangan kerajaan  
kerana gaji yang tinggi  
akan meningkatkan  
perbelanjaan mereka yang  
selanjutnya menggalakkan  
kegiatan ekonomi dan  
pengeluaran.

Katanya, sekiranya  
pendapatan kerajaan  
bertambah dan kakitangan  
kerajaan tidak banyak,  
peruntukan kepada  
mereka dapat dibahagi -  
bahagi dengan lebih  
banyak.

sebabnya kerajaan  
melaksanakan  
penswastaaan supaya beban  
kerajaan untuk membayar  
gaji kepada pekerja dapat  
dikurangkan," ujar beliau.

Menurutnya, keputusan  
kerajaan baru - baru ini  
untuk membantu firma -  
firma besar bukanlah  
bertujuan menolong orang  
- orang kaya tetapi adalah  
semata - mata hendak  
menyelamatkan para  
pekerja daripada dibuang  
kerja.

"Sekiranya syarikat -  
syarikat itu tidak dibantu,  
mereka mungkin  
menghadapi masalah  
kewangan yang boleh  
mendorong mereka untuk  
membuang para pekerja,"  
tambah beliau.

Sementara itu, Datuk  
Khalil Yaakob yang  
bercakap bagi pihak  
kerajaan menegaskan  
laporan terperinci  
mengenai tawaran gaji ini  
masih memerlukan  
perbincangan lanjut,  
sekurang - kurangnya satu  
lagi mesyuarat  
jawatankuasa bersama.  
Katanya, tuntutan bagi  
kumpulan lain akan  
dilaporkan dalam satu  
kajian yang akan  
dibentangkan selepas ini.  
Datuk Khalil selanjutnya  
menjelaskan  
bagaimanapun sama ada  
lain - lain tuntutan akan  
dapat dilaksanakan  
bergantung kepada  
keadaan.